



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

PROJEK PENGAWALAN HAKISAN PANTAI DI PANTAI TOK JEMBAL, KUALA TERENGGANU (FASA 2) BERI MANFAAT JANGKA PANJANG

Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu (Fasa 2) melibatkan peruntukan berjumlah RM73.5 juta memberi manfaat dan perlindungan jangka panjang kepada penduduk dan para nelayan di kawasan itu.

Ia sekaligus melindungi kemudahan dan infrastruktur awam daripada pukulan ombak dan hakisan pantai.

Projek di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu telah dimulakan sejak 2010, siap sepenuhnya pada 24 Julai 2019.

Projek itu dilaksanakan susulan keadaan pantai yang mengalami hakisan terutama ketika musim Monsun Timur Laut dan terdedah kepada ombak kuat dengan ketinggian maksimum sehingga tiga (3) meter sekitar November hingga Mac.

Hakisan semakin kritikal selepas tahun 2010 berikutan terdapat pembangunan dan penebusgunaan tanah pesisir pantai dengan kehilangan kawasan pantai selebar 60m setiap tahun.

Justeru, kementerian mengambil langkah segera bagi mengawal dan melindungi pengunduran garis pantai daripada terus terhakis.

Usaha ini juga merupakan salah satu projek jangka panjang yang memberi manfaat kepada kawasan sekitar yang terjejas teruk iaitu Kampung Tok Jembal, Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Kubang Badak.

Projek tawaran semula di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan melangkaui ke Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) itu, meliputi pembinaan lima (5) buah pemecah ombak (*offshore breakwater*), pembinaan satu (1) buah *terminal groyne* sepanjang 180 m, kerja-kerja *landskap*; pembinaan dua (2) struktur lapis lindung (*revetment*) sepanjang 750 m; pembinaan satu (1) *training wall* sepanjang 50 m; dan kerja penyuburan pasir pantai (*beach nourishment*).

Selain turut memulihkan jajaran pantai sepanjang 4.4 kilometer yang terhakis, ia juga menghasilkan pertambahan kawasan lapang pantai dari 0 m² kepada 200,000 m². Bilangan premis perniagaan dan kemudahan awam turut bertambah sebanyak 85% berbanding pada tahun 2010, selain, 60.9 hektar harta benda dan kemudahan awam telah dilindungi.

Pantai Tok Jembal terletak di dalam daerah Kuala Nerus merupakan pantai yang padat dengan kawasan penempatan dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur awam.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

30 JANUARI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

